

05/09/1997

Tasik Bukit Merah kaya ikan

Md Zali Kasran

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam kunjungannya ke Tasik Bukit Merah, Taiping pada 23 Mei 1996, melepaskan lebih 5,000 anak ikan jelawat dan lampam jawa ke tasik berkenaan.

Sebelum itu, pada April 1996, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ramli Ngah Talib turut melepaskan ikan ke tasik itu sebagai langkah mengekalkan sumber perikananannya.

Kini, lebih setahun berlalu dan benih ikan yang dilepas sudah membesar. Hanya menunggu kaki pancing menduga nasib menuai rezeki dari dasar Tasik Bukit Merah.

Apa yang pasti, selain benih yang dilepaskan itu, penghuni asal tasik itu sendiri dijangka lebih daripada mencukupi untuk dipancing.

Memancing di Bukit Merah memang menyeronokkan. Tasik seluas 7,000 ekar ini mempunyai pelbagai spesies. Toman, sebarau, kaloi, kap, tilan, lampam, jelawat dan bermacam jenis lagi ikan ada di dasarnya. Paling menarik, tasik ini adalah satu-satunya tempat ikan kelisa emas yang berharga ribuan ringgit, membiak di negara ini.

Bukit Merah Lake Town, `bandar' yang dimajukan syarikat Segi Objektif (M) Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Emkay Berhad di kawasan seluas 1,500 ekar adalah satu-satunya tempat memancing yang menyediakan segala-galanya untuk pemancing.

Jika anda mahu memancing di sini, tak perlu bawa peralatan memancing. Segalanya disediakan pemaaju projek. Anda cuma perlu sediakan duit. Ada duit semua jadi.

Menurut Pengurus Taman Air, Ron Watkins, pemancing tidak disaran datang awal ke tasik ini kerana kemudahan memancing belum lengkap sepenuhnya.

"Matlamat kami ialah Oktober ini. Ketika itu, segala kelengkapan termasuk Marina Village siap sepenuhnya manakala hotel sudah beroperasi."

"Jika ada pemancing yang mahu membawa anak bersiar-siar, mereka boleh menginap di hotel yang disediakan. Apabila pergi memancing, anak-anak dan isteri boleh bermain di Taman Air."

"Walaupun sasaran kami ialah pada Oktober ini, saya yakin ada sedikit kelewatan. Jadi saya menyarankan pemancing yang mahu memancing di sini agar datang pada bulan Disember kerana saya yakin ketika itu segala kelengkapan memancing termasuk bot, joran, jaket keselamatan dan kelengkapan lain untuk memancing lengkap sepenuhnya," katanya.

Watkins, warga Australia dari Canberra yang juga kaki pancing menjelaskan pihaknya mengamalkan konsep mesra alam sekitar dan `tangkap dan lepas' di Tasik Bukit Merah.

Walaupun pembangunan pesat dijalankan di sekitar tasik sejak lima tahun lalu, namun kualiti air sentiasa dijaga. Setiap bulan, sampel air akan dihantar ke makmal untuk dianalisis. Jika didapati kualiti air menurun, langkah pencegahan akan terus diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) manakala pemaaju menanggung dari segi kos.

Selain Marina Village dan bot yang bakal disediakan untuk kaki pancing, pemaaju turut menyediakan house boat untuk kemudahan mereka. Ia sesuai untuk keluarga - dilengkapi bilik air, peti sejuk, bilik tidur berhawa dingin, dapur dan meja makan selain tempat memancing. Ia sesuai untuk seisi keluarga kerana tidak bergoyang meskipun dinaiki 15 orang.

Untuk ke Tasik Bukit Merah tidak susah. Pemancing hanya perlu mengikuti lebuh raya Utara Selatan dan turun di Plaza Tol Bukit Merah. Perjalanan dari Pulau Pinang hanya memakan masa 35 minit.

Pemancing yang berminat berkunjung ke Tasik Bukit Merah boleh menelefon
05-8978888 atau 05-8903078 untuk keterangan lanjut.
(END)